

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** berkenaan langkah-langkah segera yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak yang dikatakan terjejas dengan teruk akibat Perintah Kawalan Pergerakan sepertimana yang dilaporkan oleh UNICEF baru-baru ini memandangkan sesi persekolahan telah pun bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin dan menyedari bahawa isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak merupakan satu agenda penting dan perlu diberi perhatian serius. Justeru, KKM telah menggariskan beberapa strategi di dalam **Pelan Tindakan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan** bagi menangani isu dan masalah ini. Strategi yang dirangka melibatkan aktiviti seperti berikut:

- i) **Sesi advokasi melalui aktiviti promosi kesihatan mental kepada kumpulan sasar.**
Sesi advokasi kesihatan mental ini adalah melibatkan kumpulan sasar di peringkat sekolah dengan menerapkan komponen kesihatan mental ke dalam sistem pendidikan melalui penyampaian pengetahuan, sikap dan kemahiran yang

bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak dan remaja. Strategi ini dirangka untuk meningkatkan kesejahteraan kesejahteraan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak.

ii) Memperkukuhkan program kesihatan mental di sekolah menerusi Program Minda Sihat.

Program Minda Sihat di sekolah adalah bertujuan untuk membantu kawalan emosi murid kesan daripada penularan pandemik atau dari sebarang krisis. Program ini dilaksanakan bagi mempromosikan penjagaan kesihatan mental termasuklah kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan pelajar. Pelajar yang disaring dan dikenal pasti memerlukan intervensi akan dirujuk untuk rawatan lanjut.

iii) Penganjuran kempen dan ceramah kesedaran serta kemahiran keibubapaan.

Kempen ini dianjurkan dengan kerjasama bersama KPWKM yang mengetengahkan kemahiran keibubapaan, program advokasi serta penerapan nilai murni kekeluargaan.

iv) Sesi libaturus bersama agensi yang berkaitan.

Sesi libat urus (*engagement*) juga telah dilaksanakan bersama pelbagai Kementerian dan agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (*IYRES*) di bawah Kementerian Belia dan Sukan serta pihak NGO seperti *NGO Child Care* bagi menangani isu permasalahan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja secara bersepadu.

2. Kementerian Kesihatan juga turut memantau pelaksanaan program melalui Pelan Strategik yang dinyatakan melalui laporan KPI 100 Hari Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 3 KPI yang ditetapkan melibatkan program kesihatan mental iaitu:

- i) Penambahan sebanyak 10 NGO (iaitu peningkatan sebanyak 50% daripada *baseline* – 20 NGO) yang terlibat dalam program

SOALAN NO : 24

advokasi kesihatan mental. Sehingga 3 Disember 2021, penambahan sebanyak 11 NGO telah dapat dicapai yang membawa kepada sejumlah 31 NGO yang terlibat dalam program advokasi kesihatan mental.

- ii) Peningkatan sebanyak 5 agensi (iaitu sebanyak 50% daripada *baseline* – 10 agensi) yang memberikan perkhidmatan bantuan sokongan psikososial. Sehingga 3 Disember 2021, sejumlah 17 agensi secara keseluruhannya menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan psikososial untuk orang ramai.
- iii) Usaha untuk tidak menjenayahkan cubaan bunuh diri (*decriminalisation of suicide attempt*) yang mana sehingga kini, sebanyak 2 sesi libat urus telah dilaksanakan bersama pihak berkepentingan dan KKM telah menyediakan memorandum Jemaah Menteri Moratorium terhadap kesalahan cubaan bunuh diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Sekian, terima kasih.